



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 10 JANUARI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Persatuan bas sekolah naik harga berdepan tindakan

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.isa@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Persatuan bas sekolah yang mengumumkan kenaikan harga secara terbuka boleh dikenakan tindakan kerana bertindak secara kartel.

Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Tan Sri Idrus Harun berkata, tindakan persatuan perniagaan itu mengaburi mata rakyat dan mempromosikan amalan kartel.

Katanya, ia bukan sahaja boleh mempengaruhi harga pasaran, malah berisiko menjekaskan ekonomi dan membebankan hidup rakyat.

Menurut beliau, maklumat mendapati ada persatuan yang cuba menyamar keputusan mereka sebagai jangkaan kenaikan harga masa depan atau panduan harga, sedangkan ia sebenarnya adalah keputusan terancang berunsur kartel.

"MyCC tidak terkejut jika ada persatuan yang membuat keputusan secara rahsia dengan harapan tindakan mereka tidak dapat dikesan kerana menyedari ia melanggar perundangan persaingan.

"Pengumuman sebegini boleh dikategori sebagai perjanjian anti persaingan kerana ia mencerminkan keputusan ashli jawatankuasa persatuan yang juga pesaing dalam industri," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bersambung di muka 3

Persatuan bas sekolah naik harga berdepan tindakan

Dari muka 1

Akhbar ini semalam melapor Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) meminta Kementerian Pengangkutan campur tangan dengan tidak membiarkan kadar tambang bas sekolah naik bermula Februari nanti.

Ia berikutnya Gabungan Persatuan Bas Sekolah Malaysia (GPBSM) yang tetap akan naikkan kadar tambang bas sekolah bagi sesi persekolahan 2025 mulai Februari ini.

Mengulas lanjut, Idrus berkata, pengumuman harga yang dilakukan secara terbuka berfungsi sebagai isyarat kepada ahli persatuan lain untuk

menyalarkan tindakan kartel secara bersepada.

Katanya, tindakan ini memberi gambaran bahawa persatuan cuba menyusun strategi secara kolektif untuk mengawal harga di pasaran, sekali gus merugikan pengguna yang berantung kepada harga berpututan bagi keperluan harian," ujarnya.

"Taktik sedemikian bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah mencetuskan keimbangan kerana ia melibatkan sektor penting seperti pengangkutan, kesihatan dan makanan yang merupakan keperluan asas rakyat.

"MyCC akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-

mana perusahaan tanpa mengira saiz yang terlibat dalam perilaku kartel atau menggalakkan amalan tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Idrus turut mengumumkan pindaan Akta Persaingan 2010 akan dibentangkan di Parlimen awal tahun depan bagi memperkasakan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan MyCC terhadap amalan kartel.

"Pindaan ini akan membolehkan tindakan yang lebih berkesan dikenakan terhadap kes sabotaj ekonomi seperti kartel melalui penalti yang lebih berat," katanya.

Selain itu, Idrus menyeru ahli persatuan yang tidak ber-

setuju dengan tindakan kartel untuk melaporkan perkara tersebut kepada MyCC.

"Kami menyediakan saluran aduan melalui laman web rasmi MyCC untuk memastikan siasatan dapat dijalankan dan kegiatan sebegini dapat dihentikan," katanya.

Tambah beliau, jawatan atau keahlian persatuan bukanlah lesen untuk menghalalkan perlakuan kartel yang menekan pengguna dan menjadikan persaingan sihat dalam pasaran.

"MyCC komited memastikan pasaran tempatan kekal adil dan telus bagi melindungi kepentingan pengguna," jelasnya.

Keluarga anak ramai terbeban kenaikan

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamula.com.my

BAGAN DATUK: Keluarga yang mempunyai ramai anak bersekolah tidak bersetuju dengan kenaikan kadar tambang bas sekolah bagi sesi persekolahan 2025 mulai Februari ini.

Seorang wanita, Nadia Ahmad Ahpuat, 33, berkata, dia terbeban jika kadar tambang sekolah dinaikkan kerana tiga anaknya menggunakan perkhidmatan tersebut.

Menurutnya, ketika ini dia membelanjakan RM180 sebulan bagi tambas bas sekolah ketiga-tiga anaknya.

"Saya tidak bersetuju dengan kenaikan tambang bas walaupun antara RM5 hingga RM10 seorang murid. Jika anak tak ramai, mungkin tak kisah, tapi keluarga yang anak ramai akan rasa terbeban walaupun kenaikan sedikit."

"Bagi sesi persekolahan akan datang, seorang lagi anak saya akan bersekolah dan juga

menggunakan perkhidmatan bas sekolah. Bermakna kos untuk tambang bas sahaja sudah membebankan.

"Saya hanya bekerja kilang dan rasa terbeban dengan kenaikan ini jadi saya berharap kerajaan mempertimbangkan itu ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Hilir Perak, P. Selvarajo berkata, kenaikan tambang itu perlu kerana pengusaha perlu menanggung kos minyak, pengelenggaraan kenderaan dan alat ganti yang semakin meningkat.

Menurutnya, namun dia menerahkan kepada Gabungan Persatuan Bas Sekolah Malaysia (GPBSM) mengenai kenaikan kadar tambang bas sekolah bagi sesi persekolahan 2025 mulai Februari ini.

Katanya, ini kerana kadar kenaikan tambang bas sekolah itu antara RM5 hingga RM10 seorang, bergantung kepada persetujuan bersama antara peng-

saha bas dan ibu bapa.

"Kami tiada sumber pendapatan lain selain daripada tambang yang dikenakan kepada murid yang menggunakan perkhidmatan kami dan dengan pelbagai kos berkaitan kenderaan yang meningkat, saya rasa kenaikan ini wajar."

"Namun kami sebagai pengusaha bas sekolah akan menunggu keputusan daripada kerajaan mengenai kenaikan kadar tambang ini selain bergantung perbincangan dengan ibu bapa murid," katanya.

Kelmanin, *Utusan Malaysia* melaporkan Gabungan Persatuan Bas Sekolah Malaysia (GPBSM) tetap menaikkan kadar tambang bas sekolah bagi sesi persekolahan 2025 mulai Februari ini.

Presiden GPBSM, Mohd. Rofik Mohd. Yusof berkata, keputusan kadar tambang sepenuhnya terletak kepada perundingan dua hala (pengusaha bas dan ibu bapa), tanpa campur tangan kerajaan.



P. SELVARAO (dua dari kiri) bersama pemandu bas sekolah daerah Hilir Perak ketika ditemui di Teluk Intan semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN



ANGGOTA pengawal kuasa KPDN memeriksa tong berisi diesel di sebuah stesen minyak di Jalan Changkat Jong, Teluk Intan kelmarin. - IHSAN KPDN

Leka beli 129 liter diesel tanpa permit

TELUK INTAN – Seorang warga emas yang sedang leka membeli 129 liter diesel di sebuah stesen minyak di Jalan Changkat Jong, di sini, dicekup pengawal kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Perak kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 8.02 malam, sepasukan pegawai dan anggota pengawal kuasa KPDN Cawangan Teluk Intan melaksanakan Ops Tiris di stesen minyak tersebut bagi membanteras aktiviti penyelewengan dan ketirisan barang kawalan.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, operasi dibuat berdasarkan pemantauan dan pemeriksaan

berhubung dengan aktiviti penyelewengan barang kawalan terhadap stesen-stesen minyak di sekitar Teluk Intan.

“Dalam pemeriksaan yang dilakukan, didapati seorang individu sedang leka mengisi minyak diesel ke dalam tong yang berada di atas kenderaan pacuan empat roda (4WD) di sebuah stesen minyak.

“Pemeriksaan yang dilakukan oleh pasukan ke atas individu tersebut, menjumpai sebanyak 129 liter minyak diesel di dalam tujuh tong yang berada di atas kenderaan 4WD miliknya,” katanya di sini semalam.

Ujarnya, seorang lelaki berusia 71 tahun mengaku membeli minyak diesel tersebut dan di-

dapati gagal mengemukakan sebarang surat kebenaran, lesen atau permit menyimpan barang kawalan daripada pengawal apabila diminta.

“KPDN bertindak menyertai tujuh tong yang berisikan 129 liter minyak diesel, tujuh tong kosong dan sebuah 4WD dengan nilai keseluruhan rampasan RM30,000.

“Stesen minyak yang disyaki terlibat juga akan disiasat di bawah peruntukan sedia ada, termasuklah syor pembatalan Lesen Runcit Barang Kawalan Berjadual (CSA) barang kawalan minyak diesel jika didapati bersalah terlibat aktiviti penyelewengan,” katanya.

Peniaga 'pilih kasih' kena tindakan

TAIPING – Sikap 'pilih kasih' sebuah premis di Batu Kurau, di sini yang menjual minyak masak peket 1 kilogram (kg) kepada pelanggan tertentu mengundang padah apabila dikenakan tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) Perak kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, menurut maklumat dan aduan orang awam yang tidak berpuas hati, peniaga terbabit dikatakan menjual minyak masak peket 1kg bersubsidi kepada pelanggan tertentu sahaja.

Berdasarkan maklumat tersebut, satu tindakan uji beli melalui Ops Samar telah dilaksanakan dan hasilnya mendapati pekerja premis memaklumkan bahawa minyak masak peket telah habis dijual.

"Curiga dengan jawapan



ANGGOTA penguat kuasa KPDN menemui minyak masak peket yang disorok di sebuah premis di Batu Kurau, Taiping kelmarin.

pekerja premis tersebut, satu pemeriksaan lanjut kemudian dilakukan oleh sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa beruniform dan telah menemui sebanyak 140kg minyak masak peket 1kg disimpan di stor

simpanan barang," katanya di sini semalam.

Tambahnya, pihak KPDN telah menyita 140kg minyak masak peket bernilai RM350 tersebut dan kes disiasat di bawah akta Kawalan Bekalan 1961.

Taktik 'salin' minyak peket ke dalam botol

- KPDN bongkar taktik sebuah restoran
- 112 kilogram barang subsidi dirampas

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

KUANTAN — Taktik sebuah restoran memasukkan minyak masak peket 1 kilogram ke dalam botol bagi mengelak dikesan menggunakan minyak bersubsidi membawa padah apabila berjaya dikesan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Pengarah KPDN Pahang, Jezlily Jamaluddin berkata, hasil pemeriksaan di sebuah restoran di sini pada pukul 11.42 pagi semalam mendapat terdapat bekalan minyak masak peket bersubsidi sebanyak 112 kilogram di dalam premis yang melebihi had simpanan dibenarkan.

"Sebanyak 112 kilogram minyak masak peket bersubsidi serta dokumen-dokumen perniaagaan lain yang berkaitan disita untuk tujuan siasatan.

"Satu kertas siasatan dibuka dan kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 kerana memiliki barang kawalan berjadual melebihi had," katanya di sini semalam.

Ujarnya, pemilik restoran dikenakan tindakan di bawah Akta sama kerana menggunakan minyak peket bersubsidi.



PENGUAT kuasa KPDN memeriksa minyak masak peket subsidi di sebuah restoran di Kuantan semalam.

Beliau mengalu-alukan pengguna untuk sama-sama membantu menjadi mata dan telinga kementerian dengan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan.

"KPDN memberi amaran keras terhadap mana-mana individu

atau syarikat supaya mematuhi perundangan yang ditetapkan.

"Pesalah boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalan pertama," katanya.

Jual minyak masak peket 1kg kepada kenalan rapat sahaja

Ipoh: Hanya jual minyak masak subsidi peket 1 kilogram (kg) kepada kenalan rapat dan pelanggan dikenali sahaja.

Itu tindakan sebuah premis di Batu Kurau, Taiping yang diserbu sepasukan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak jam 11.50 pagi kelmarin.

Pengaruhnya, Datuk Kamalludin Ismail berkata, pihaknya menyita 140kg minyak masak peket 1kg selepas menyerbu sebuah premis itu.

Menurutnya, tindakan dilakukan sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa KPDN Perak Cawangan Taiping susulan maklumat dan aduan orang awam yang tidak berpuas hati dengan tin-

dakan peniaga berkenaan.

"Berdasarkan maklumat itu, satu tindakan uji beli melalui Ops Samar dilaksanakan dan hasil mendapati pekerja premis memaklumkan minyak masak peket habis dijual," katanya, semalam.

Beliau berkata, pihaknya yang curiga dengan jawapan itu menyerbu dan membuat pemeriksaan di premis berkenaan sebelum menemui 140kg minyak masak peket 1kg disimpan di stor simpanan barang.

Kamalludin berkata, semua minyak masak yang dianggarkan bernilai RM350 itu disita dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.
- Bernama



MOHD Hanafi didakwa di Mahkamah Majistret Kemaman. -
Gambar NSTP/ROSLI ILHAM

8

www.hmetro.com.my @hmetromy [@HarianMetro](https://HarianMetro) @hmetromy

lokal



ANGGOTA pengawas KPDN Pahang memeriksa minyak masak peket bersubsidi di sebuah restoran di Kuantan.

Oleh Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan

Sebuah restoran di daerah ini diserbu selepas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pahang menerima aduan restoran itu menggunakan minyak masak peket bersubsidi untuk perniagaan, kelmarin.

Serbuan jam 11.42 pagi itu turut menemukan 112 kilogram minyak masak peket di dalam premis melebihi had simpanan yang dibenarkan.

Pengarah KPDN negeri, Jezlily Jamaluddin berkata siasatan lanjut juga mendapati pemilik restoran mempunyai Permit Barang Kawalan Berjadual yang masih sah.

"Bagaimanapun, restoran itu hanya dibenarkan untuk membeli dan me-

Simpan 112kg minyak subsidi

Restoran di Kuantan diserbu KPDN guna bahan bersubsidi untuk perniagaan



KPDN alu-alukan maklumat pengguna untuk membantu menjadi mata dan telinga kementerian selaras dengan inisiatif Kita Gempur iaitu pelaksanaan langkah strategik kerajaan"

Jezlily

nyimpan barang kawalan berjadual bukan subsidi sahaja.

"Sehubungan itu satu kertas siasatan dibuka dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 iaitu memiliki barang kawalan berjadual melebihi had yang disyaratkan," katanya dalam kenyataan media.

Katanya, pihaknya memberi amaran keras terhadap individu atau syarikat berkaitan supaya mematuhi perundungan yang di-

tetapkan.

"KPDN juga mengalu-alukan maklumat daripada pengguna untuk membantu menjadi mata dan telinga kementerian selaras dengan inisiatif 'Kita Gempur' iaitu pelaksanaan langkah strategik kerajaan."

"Langkah itu untuk menangani isu manipulasi dalam aktiviti perniagaan dan ketirisan yang membabitkan barang kawalan serta barang kawalan bersubsidi," katanya.



NAZRULKAMAL keluar dari Mahkamah Sesyen Seremban.

Syarikat khidmat logistik didenda RM190,000

Seremban: Sebuah syarikat perkhidmatan logistik didenda RM190,000 oleh Mahkamah Sesyen, semalam atas dakwaan memiliki barang berjadual memiliki barangan berjadual iaitu 36,654 liter diesel tanpa lesen, dua tahun lalu.

Hakim Datin Surita Budin menjatuhkan hukuman itu selepas KIJ Global Sdn Bhd yang diwakili pengaruhnya, Nazrulkamal Mohammad, 43, membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan.

“Setelah meneliti fakta kes serta mengambil kira faktor kepentingan awam, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM190,000 terhadap KIJ Global Sdn Bhd,” katanya.

Mahkamah turut memerintahkan wang hasil ju-

alan RM106,296.60 dilucutkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeiri dan Kos Sara Hidup (KPDN) selain kapal tangki Aliya Sari turut dilucutkan.

Mengikut pertuduhan, syarikat itu didapati memiliki barang kawalan yang juga barang berjadual iaitu 36,654 liter diesel dalam keadaan menimbulkan syak yang munasabah untuk melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan dengan minyak diesel secara borong tanpa lesen.

Kesalahan dilakukan di sebuah jeti di Kampung Tanjung Agas, Pekan Pasir Panjang, Port Dickson kira-kira jam 9 pagi 10 November 2023.

KPDN rampas 112kg minyak masak bersubsidi disimpan melebihi had



Penguat kuasa KPDN memeriksa stok minyak masak peket bersubsidi milik sebuah restoran di Kuantan.

KUANTAN – Sebuah restoran diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) selepas didapati menyimpan minyak masak peket bersubsidi melebihi had dibenarkan.

Pengarah KPDN Pahang, Jezlily Jamaluddin berkata, berdasarkan maklumat awam, pihaknya bertindak melakukan serbuan jam 11.42 pagi pada Rabu.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati pemilik restoran mempunyai Permit Barang Kawalan Berjadual sah, namun hanya memberikan penyimpanan barang kawalan bukan subsidi.

“Sebanyak 112 kilogram minyak masak peket bersubsidi dan dokumen perniagaan berkaitan disita untuk siasatan lanjut.

“Satu kertas siasatan dibuka mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan berjadual melebihi had ditetapkan,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, KPDN memberi amaran keras terhadap individu atau syarikat berkaitan supaya mematuhi perundungan ditetapkan.

Jelasnya, minyak masak bersubsidi adalah untuk kegunaan isi rumah dan bukan untuk tujuan komersial.

“Kita mengalu-alukan maklumat daripada pengguna seiaras dengan inisiatif ‘Kita Gempur’ iaitu pelaksanaan langkah strategik kerajaan.

“Orang ramai digalakkan menyalurkan maklumat jika mengesan sebarang aktiviti mencurigakan berkaitan barang kawalan atau subsidi,” katanya.

Padah sorok minyak peket bersubsidi

Peniaga dikesan hanya jual barang bersubsidi itu kepada kenalan

Oleh SAIFULLAH AHMAD
TAIPING

Tindakan peniaga menjual minyak masak peket bersubsidi kepada individu tertentu akhirnya mengundang padah apabila perbuatan itu berjaya dihuidu pihak berkuasa ketika Op Tiris 3.0 di Batu Kurau.

Pengarah Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, perbuatan itu dikesan penguat kuasa KPDN Taiping yang menjalankan pemeriksaan membanteras akti-

viti penyelewengan dan ketirisan barang kawalan minyak masak paket satu kg bersubsidi pada Rabu.

Menurutnya, kejayaan operasi adalah hasil maklumat dan aduan awam yang tidak berpuas hati terhadap peniaga yang hanya menjual minyak masak bersubsidi kepada kenalannya sahaja.

"Berdasarkan maklumat ini, satu tindakan uji beli melalui Op Samar dilaksanakan dan hasilnya mendapat pekerja premis memaklumkan bahawa minyak masak peket sudah habis.

"Curiga dengan jawapannya, satu pemeriksaan lanjut dilakukan dan menemui minyak masak peket satu kg berjumlah 140kg di stor simpanan barang," katanya dalam satu senyataan pada Khamis.

Kamalludin berkata, susulan itu, pihaknya mengambil tindakan menyita semua minyak masak peket bersubsidi berserta beberapa dokumen berkaitan.

Menurutnya, semua barang rampasan dianggarkan berjumlah RM350 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1 juta bagi individu atau tidak melebihi RM2 juta untuk syarikat.

"KPDN tidak akan berkompromi dan akan memastikan tindakan lebih tegas termasuklah pendakwaan di mahkamah," katanya.

Dalam pada itu, Kamalludin meminta orang ramai menjadi mata dan telinga pihaknya menyalurkan maklumat berhubung aktiviti penyelewangan barang kawalan bersubsidi.

**AJENYE
YE!**



Penguat kuasa KPDN Taiping menyita 140kg minyak masak peket ketika Op Tiris 3.0 di Batu Kurau, Taiping.

Popular 'cili pan mee' restaurant raided for misleading 'Muslim Kitchen' sign

KUALA LUMPUR: A popular restaurant serving 'cili pan mee' in Balakong near here, was raided by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) yesterday for displaying the term 'Muslim Kitchen' despite lacking valid halal certification.

Kajang KPDN enforcement chief Ruhaizad Zahari said the raid, conducted with the assistance of four officers from the Selangor Islamic Religious Department (JAIS), followed public complaints.

The investigation revealed that the restaurant, which had been operating for four months, had placed the 'Muslim Kitchen' sign on its door and dining area, potentially misleading customers into thinking it was halal. However, it does not hold a halal certification.

"The owner, a local man, explained that he put up the sign at the suggestion of customers and was unaware that it was an offence," he told the press when met after the raid.

Ruhaizad said after observing the restaurant for a week, they found that the establishment, which also has a branch in the city centre, was frequented by Muslim customers.

He said JAIS had conducted an initial interview with the owner, and the case is being investigated under the Trade Descriptions Order (Halal) Definition) 2011, for misleading indications that the food is suitable for Muslims.

He also advised all food premises without halal certification not to use terms such as 'Ramadan buffet' or decorations that imply their food is halal. — Bernama

KPDN Perak sita 140kg minyak masak bersubsidi disorok dalam stor

IPOH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menyita 140 kilogram (kg) masak peket 1kg selepas menyerbu sebuah premis di Batu Kurau, Taiping, apabila peniaga di premis berkenaan didapati menjual minyak tersebut hanya kepada orang yang tertentu sahaja.

Pengarahnya Datuk Kamalludin Ismail berkata, premis berkenaan diserbu sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa KPDN Perak Cawangan Taiping kira-kira jam 11.50 pagi kelmarin, susulan maklumat dan aduan orang awam yang tidak berpuas hati dengan tindakan peniaga berkenaan.

“Berdasarkan maklumat

tersebut, satu tindakan uji beli melalui Ops Samar telah dilaksanakan dan hasilnya mendapat pekerja premis memaklumkan bahawa minyak masak peket telah habis dijual,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, pihaknya yang curiga dengan jawapan pekerja tersebut telah menyer-

bu dan membuat pemeriksaan di premis berkenaan, yang membawa kepada penemuan 140kg minyak masak peket 1kg disimpan di stor simpanan barang.

Kamalludin berkata, semua minyak masak yang dianggarkan bernilai RM350 itu disita dan kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. — Bernama

女子被扣稱打工抽傭 查獲值2.7萬冒牌電器

总值2万7279令吉的电子产品，扣留1名本地女子。

该局根据注册商标持有方的举报，今早11时30分到大山脚罗占路一间仓库展开突击行动，该局主任杰根今午在新闻发布会上指出，落网女子自称只是打工，雇主是中国籍人士，她只负责根据订单打包及邮寄，而薪资则根据寄出的包裹抽佣。



杰根（左二）在执法人员等的陪同下召开新闻发布会。

（大山脚9日讯）
槟州国内贸易及生活费局展开突击行动，破获储藏及销售电器赝品案件，起获572件

他说，上述电子产品皆没有大马工业研究及規格局（SIRIM）的认证、国际欧盟CE认证，产品包括搅拌机、吹风机、头发烫直棒、剃须刨、电动牙刷等。

他说，该仓库相信已运作约半年。他严厉警告商家遵守法律，也劝请消费者必须保持警惕，不购买赝品。

该局也促请民众充当耳目，若有发现售卖赝品活动，可向该局提供情报：WhatsApp (019-848 8000/019-279 4317)、投诉网站e-aduan.kpdn.gov.my、热线1-800-886-800。



内贸局官员针对此事，已经立案调查。（彭内贸局提供）

津貼包裝油倒入油瓶 公衆舉報食肆違例

（关丹9日讯）食肆将津贴包装食用油倒入罐装食用油瓶子中，企图混淆视听，遭市民举报，并被彭亨国内贸易及生活费局取缔，并起获112公斤津贴包装食用油。

州局长嘉丝莉莲透过文告指出，该局援引1961年统制品法令，对相关滥用津贴包装食用油的食肆采取行动。

“本局是接获公众投报，指相关食肆使用包装食用油进行商业活动，因此，执法队伍于1月8日，早上11时42分进行取缔行动。

“调查显示，该食肆储存112公斤津贴包装食用油，此已经超出了所允许的储存数量。”

她表示，进一步调查发现，相关食肆拥有者持有有效的统制品许可证，但仅允许购买和储存非津贴统制品。

充公112公斤津贴包装食油

“内贸局已经充公了相关的112公斤津贴包装食油及相关文件，以进行调查。”

她指出，该局已经援引1961年统制品法令，即拥有超过允许的统制品，开档调查此案件。

“本局严厉警告任何个人或公司，时刻遵从所制



食肆业者混淆视听，将津贴包装食油装入罐装食油瓶中。（彭内贸局提供）

定的条例。任何人一旦违反，本局将援引1961年统制品法令采取法律行动。”

她指出，若是组织犯案，将被判罚款不超过200万令吉，若重犯，将被判罚款500万令吉；若是个人犯案，将被判罚款不超过100万令吉或监禁不超过2年或两者兼施，若重犯，将被判罚款不超过300万令吉或监禁不超过5年或两者兼施。

她欢迎民众成为该局的耳目，协助投报可疑或违法的行为。

民众可以透过以下方式，进行投报：

1. 门户网站 (Portal) e-aduan@kpdn.gov.my
2. 呼叫中心 (Call Centre) 1800 886 800
 - (i) 电邮 e-aduan@kpdn.gov.my
 - (ii) 手机应用程式-Ez ADU
 - (iii) 执法指挥中心(ECC) 03-8882 6245 / 6088
 - (iv) WhatsApp至019-279 4317

津貼食油只賣熟客

太平內貿局取締雜貨店

(太平9日讯)峇都古劳一间杂货店囤存百余包1公的津贴食油，却只卖给熟客，结果遭霹雳州内贸局太平分局执法人员突检，在杂货店内搜获价值350令吉的140公斤食油。

卡马鲁丁：
购买时被告知已售罄
霹内贸局局长拿督卡马鲁丁今日发文告说，该局是在接获公众的投诉，指上述杂货店只售卖1公斤包装食油给熟客后，通过“乔装行动”展开试探购买，结果被

店员告知食油已售罄。

他说，一队执法人员过后于本月8日上午11时50分左右突检该杂货店，结果在储存室内发现了140包1公斤的津贴食油。

“执法人员于是采取行动，充公了所有140包1公斤，总值350令吉的食油，并援引1961年供应管制法令进行调查。”

卡马鲁丁警告，不管是个人或公司都须遵循上述法令，一旦个人被定罪，可被罚不超过100万令吉，若是公司被定罪，可被罚款不超过200万令吉，若重犯则可被罚款不超过500万令吉。

他说，该局不会对任何涉及滥用统制品活动的人士或集团妥协，且会采取严厉行动，将犯案者控上法庭。

他表示，内贸局也会持续通过“反操纵和泄密行动”，通过群众活动展开执法，以便解决操纵商业活动，包括预防曲解统制品、抵抗电子商诈骗、打击垄断或出现垄断联盟。

若面对上述情况，公众可通过下列管道投诉：WhatsApp 019-848 8000、投诉官网：eaduan.kpdn.gov.my、传呼中心1-800-886-800、电邮至e-aduan@kpdn.gov.my、或通过手机应用程序Ez ADU KPDNHEP。



霹内贸局执法人员在杂货店的储藏室内，寻获津贴包装食油。（霹内贸局提供）



执法人员充公车斗内的所有桶。（内贸局提供）



男子在四驱车上放了许多桶，到油站添津贴柴油时被取缔。（内贸局提供）

添7桶津貼柴油 男子沒許可證被取締

（安顺9日讯）没许可证竟“光明正大”的在油站添7桶津贴柴油，71岁男子当场被内贸易官员取缔。

霹雳州内贸易局长拿督卡马鲁丁今日发文告指出，昨晚8时零2分，该局安顺的执法团队在曾吉容路的一家油站展开了“填补漏洞行动3.0（Ops Tiris 3.0）行动。

当该局到有关油站调查时发现，一名71岁的男子把桶放在一辆四驱车上，并忙着往桶内

装入柴油。

调查发现，上述男子的车内共有7个装有共129公升柴油的桶，这名男子承认他购买了这些柴油，但调查发现他并不持有任何收藏统制品的许可证、准证或执照。

油站若证实有罪 或撤销CSA

执法官员随后充公了有关7个装有129公升柴油的桶、7个空桶和一辆四驱车，充公总额约3万令吉。

违法男子将在1961年供应管制法令下被调查，而销售津贴柴油的油站也将会在相关条例下被调查，一旦被证实有罪，可能会撤销津贴柴油CSA零售准证。

在1961年供应管制法令下一旦被定罪，个人可被罚不超过100万令吉，监禁不超过3年或两者兼施；公司或组织可被罚款不超过200万令吉。

民众若有任何相关违法行为的情报可到临近的内贸易汇报，或WhatsApp至019-848 8000、电邮至e-aduan@kpdn.gov.my、拨打热线1 800 886 800、手机应用程式Ez Adu KPDN。



■ 补貼包装食油。（霹国貿局）
 执法人员在商舖的仓库内，发现许多

補貼食油選人賣

商舖被取締

（怡保9日讯）1公斤补贴食油只卖给特定人士，商舖被执法人员取缔！

霹州国内贸易和生活成本局太平分局执法人员，于昨天上午11时50分，在峇都古劳某场所展开“滴漏行动3.0”（Ops Tiris 3.0），打击滥用补贴食油活动。

霹雳州国内贸易及生活成本局主任拿督卡马鲁丁发文告指出，此次行动归功于公众提供的情报，指控某商舖仅出售补贴食油给特定人士。

員工回答可疑

他说，执法人员进行“乔装行动”（OPS Samar）时，商舖员工声称补贴包装食油已售罄，由于员工的回答可疑，另一组身穿制服的执法队伍便进入商舖检查，并在仓库内发现140公斤的补贴食油。

他披露，该局充公140公斤的1公斤补贴食油及相关文件，怀疑该商家虚报拥有的统制品，即1公斤补贴食油，充公物品总值350令吉，该局援引1961年供应管制法令调查此案。

他提醒个人或公司要严格遵守法律，任何人若违反1961年供应管制法令，若被判有罪，企业可被罚款不超过200万令吉，重犯者罚款可高达500万令吉；个人则可能被罚款不超过100万令吉、监禁不超过3年，或两者兼施。

他呼吁民众与消费者成为该局耳目，提供有关滥用统制品活动给该局，并可通过WhatsApp: 019-8488000、网站<https://e-aduan.kpdn.gov.my>、热线: 1800 886 800或手机应用程式EZ Adu KPDN举报。

食肆濫用津貼油

儲存112kg超額被取締

(关丹 9 日讯) 食肆将津貼包装食用油倒入罐装食用油瓶子中，企图混淆视听，遭市民举报，并被彭亨内贸局取缔，并起获112公斤津貼包装食用油，因此该局将援引1961年统制品法令对滥用津貼包装食用油的食肆采取行动。

彭亨内贸局局长嘉丝莉莉发文告指出，彭内贸局是接获公众投报，指食肆使用包装食油进行商业活动，因此，执法队伍于1月8日早上11时42分进行取缔行动。

拥统制品许可证

她说，根据调查显示，食肆储存112公斤津貼包装食油，已经超出了所允许的储存数量。

“进一步调查发现，食肆拥有者持有有效的统制品许可证，但仅允许购买和储存非津貼统制品。”

嘉丝莉莉披露，内贸局

向内贸局投报方式

1. 门户网站 (Portal) e-aduan@kpdn.gov.my
2. 呼叫中心 (Call Centre) 1800 886 800
 - (i) 电邮 e-aduan@kpdn.gov.my
 - (ii) 手机应用程式 Ez ADU
 - (iii) 执法指挥中心 (ECC) 03-8882 6245 / 6088
 - (iv) Whatsapp 至 019- 279 4317
 - (v) 彭州内贸局分局：
关丹 - 09-571 7777 / 09-571 7778
淡马鲁/百乐 - 09-290 1601 / 09-290 1602
劳勿 - 09-355 4000 / 09-355 2707
而连突 - 09-260 1374 / 09-260 1375
云冰 - 09-414 0512 / 09-414 0513
 - (vi) 亲自前往彭州内贸局分局投报

已经充公112公斤津貼包装食油及文件，以进行调查。

她指出，该局已经援引1961年统制品法令，即拥有超过允许的统制品开档调查。

“内贸局严厉警告任何个人或公司，时刻遵从所制定的条例。任何人一旦违反，内贸局将援引1961年统制品法令采取法律行动。”

嘉丝莉莉欢迎民众成为耳目，协助投报可疑或违法的行为。

1公斤食油僅賣熟客

內貿局取締太平1雜貨店

(太平9日讯)峇都古劳一间杂货店囤存百余包1公斤的津贴食用油，却只卖给熟客，霹雳州内贸局分局执法员上门突击，在店内搜获价值350令吉的140公斤食用油。

霹雳州内贸局局长拿督卡马鲁丁今日发文告说，该局是在接获投诉指杂货店只售卖1公斤包装食用油予熟客后，于是通过“乔装行动”(OPS SAMAR)展开试探购买，结果被店员告知食用油已售罄。

他说，一队执法人员过后于本月8日上午11时50分左右突击杂货店，结果在储存室内发现了140包1公斤的津贴食用油。

“执法员于是采取行动，充公了所有140包1公斤，总值350令吉的食用油，并援引1961年供应管制法令进行调查。”

卡马鲁丁警告，不管是个人或公司都必须遵循法令，一旦个人被定罪，可被罚不超过100万令吉，若是公司被定罪，则可被罚款不超过200万令吉，若重犯则可被罚款不超过500万令吉。

他说，该部不会对任何涉及滥用统制品活动的人士或集团妥协，且会采取严厉行动，将犯案者控上法庭。

他表示，内贸局也会持续通过“反操纵和泄密行动”，通过群众活动展开执法，以便解决操纵商业活动，包括预防曲解统制品、抵抗电子商诈骗、打击垄断或出现垄断联盟。

若面对上述情况，可通过下列管道投诉：WhatsApp: 019-848 8000、投诉官网: eaduan.kpdn.gov.my、传呼中心: 1-800-886-800、电邮至 e-aduan@kpdn.gov.my、或手机应用程式EZ ADU KPDNHEP。(CSH)

男子添7桶津貼柴油 沒許可證遭取締

(安顺9日讯)一名71岁男子没许可证，竟然光明正大在油站添7桶津贴柴油，当场被内贸局官员取缔。

霹雳州内贸局局长拿督卡马鲁丁指，昨晚约8时02分，该局安顺的执法团队在曾吉容路的一家油站展开了“填补漏洞行动3.0 (Ops Tiris 3.0) 行动。

他发文告说，当该局到有关油站调查时发现，一名71岁的男子把桶放在一辆四驱车上，并忙著往桶内装入柴油。

他披露，根据调查发现，上述男子的车内共有7个装有共129公升柴油的桶，这名男子承认他购买了这些柴油，但是调查发现他并不持有任



■ 执法官员充公车斗内的所有桶。（内贸局提供）

何收藏统制品的许可证、准证或执照。

“执法官员随后充公了有关7个装有129公升柴油的桶、7个空桶和一辆四驱车，充公总额约3万令吉。”

充公总额约3万元

卡马鲁丁说，违法男子将在1961年供应管制法令下被调查，而销售津贴柴油的油

站也将会在相关条例下被调查，一旦被证实有罪，可能会撤销津贴柴油CSA零售准证 (Lesen CSA Runcit)。

民众若有任何相关违法行为的情报可到临近的内贸局投报，或WhatsApp至019-848 8000、电邮至e-aduan@kpdn.gov.my、拨打热线1 800 886 800、手机应用程式Ez Adu KPDN。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Rasionalisasi subdisi diesel beri penjimatan hingga RM7.5 billion setahun

KUALA LUMPUR - Pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel dijangka memberikan penjimatan tahanan antara RM7.2 bilion dan RM7.5 bilion kepada kerajaan, meningkat daripada RM4 bilion yang diunjurkan tahun lepas, kata Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata, ia hasil dari pada kejayaan pelancaran rasionalisasi subsidi diesel yang menyaksikan penjimatan sehingga RM600 juta sebulan direkodkan selepas pelaksanaannya.

"Apabila kerajaan melancarkan (rasionalisasi subsidi diesel) pada Julai 2024, kita menjangka memperoleh penjimatan kira-kira RM4 bilion setahun."

"Ketika ini kita kesan kira-kira RM600 juta sebulan, jadi itu sepatutnya memberi kita penjimatan kira-kira RM7.2 bilion

hingga RM7.5 bilion setahun.

"Kita dapat melakukannya lebih baik kerana ketirisan (diesel) adalah lebih daripada apa yang kita sangka dan itu hanya di Semenanjung Malaysia pada ketika ini," katanya semasa sesi panel pada Forum Ekonomi Malaysia (FEM) 2025 di sini pada Khamis.

Amir Hamzah berkata, perkara asas yang perlu dipertimbangkan semasa melaksanakan rasionalisasi subsidi diesel adalah apa yang merupakan perkara utama perlu diuruskan oleh kerajaan.

"Kita tahu bahawa daripada ketirisan itu, kita akan memasuki dua segmen utama – pertama, daripada sektor runcit hingga sektor komersial. Kedua, kita juga mengalami ketirisan besar yang melibatkan pergerakan merentas sempadan.

"Kita dapat melancarkannya kerana melaksanakan sistem yang sebenarnya mengurangkan risiko dari segi ketirisan. Kita capai hasil yang lebih baik kerana berjaya mengurangkan ketirisan rentas sempadan," kata-

nya. Sementara itu, Amir Hamzah berkata, Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi sedang mengusahakan mekanisme untuk merasionalisasikan subsidi petrol RON95 yang dijangka dilaksanakan tahun ini.

"Kita akan melancarkan rasionalisasi subsidi RON95 menggunakan prinsip yang sama (seperti rasionalisasi diesel) dengan harga dua peringkat, dengan sasaran melindungi 85 peratus daripada penduduk agar mereka tidak terkesan dengannya.

Amir Hamzah semasa sesi panel pada Forum Ekonomi Malaysia (FEM) 2025 di Kuala Lumpur pada Khamis.



"Pertama adalah ambang (pendapatan) manakala kedua adalah metodologi, seperti apa yang kita laksanakan dalam (rasionalisasi) diesel, yang akan membolehkan kita meng-

uruskannya dengan berkesan. "Saya fikir dalam tempoh beberapa bulan akan datang, anda akan dapat melihat perkara itu dengan lebih jelas," katanya. - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Forum Ekonomi Malaysia

Penyasaran subsidi diesel jimatkan RM7.2b-RM7.5b

Penjimatan hasil kerajaan untuk setahun dilihat baik bagi kekang ketirisan lebih besar daripada jangkaan

Oleh Mahanun Abdul Aziz dan Mohd Zaky Zainuddin
bhbiz@nsp.com.my

Kerajaan menyasarkan penjimatan kira-kira RM7.2 bilion hingga RM7.5 bilion setahun dengan pelaksanaan subsidi bersasar diesel yang dilaksanakan sejak tahun lalu, kata Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata, penjimatan yang dicatatkan adalah lebih baik memandangkan pelaksanaan subsidi diesel bersasar dilihat mengekang ketirisan yang lebih besar daripada jangkaan.

"Apabila kita laksanakan, kita menjangkakan akan memperoleh kira-kira RM4 bilion setahun penjimatan. Namun, pada masa ini, kita mencatatkan (penjimatan) kira-kira RM600 juta sebulan."

"Justeru, ia membolehkan kita mencapai (penjimatan) kira-kira RM7.2 bilion hingga RM7.5 bilion setahun," katanya pada Forum Ekonomi Malaysia (FEM) di Kuala



Amir Hamzah (kiri) beracakap ketika Forum Ekonomi Malaysia 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. Yang hadir sama, Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Lumpur, semalam.

Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel yang membabitkan penetapan harga runcit diesel mengikut harga pasaran bagi Semenanjung, yang dilaksanakan serentak dengan bantuan bersasar untuk sektor logistik serta pengagihan bantuan tunai BUDI MADANI bermula 10 Jun 2024.

Mengulas mengenai mekanisme pelaksanaan subsidi bersasar bagi RON95 yang dijangka dilaksanakan pertengahan 2025, Amir Hamzah berkata, kerajaan akan memastikan pelaksanaannya lancar dengan falsafah yang sama digunakan seperti subsidi diesel bersasar.

Beliau berkata, sudah pasti golongan yang memerlukan sokon-

gan akan dibantu, sementara mereka yang mempunyai keupayaan akan menikmati harga bahan api itu mengikut harga pasaran.

Perhalusi mekanisme

Katanya, Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi sedang memperhalusi mekanisme yang akan digunakan untuk pelaksanaan subsidi bersasar bagi petrol RON95.

"Kita akan pastikan apa yang akan dilaksanakan berjalan lancar, sama seperti diesel, ia berjalan dengan lancar."

"Justeru, usaha antara Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan adalah untuk memperhalusi mekanisme yang akan digunakan," katanya.

Dalam Belanjawan 2025, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan bercadang melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, penjimatan yang dicapai daripada penyasaran subsidi itu akan dimanfaatkan untuk kesejahteraan rakyat terbanyak.

Terdahulu, pada forum sama, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata keputusan siapa yang layak menerima subsidi RON95 akan ditentukan selepas kerajaan melaksanakan pendekatan berdasarkan pendapatan boleh guna bersih menggantikan pengkelasan B40, M40 dan T20 sedia ada.

Beliau berkata, cadangan peralihan pengkelasan yang akan dibuat kepada berdasarkan pendapatan boleh guna bersih sedang dalam pertimbangan kerajaan dan keputusan akan diumumkan dalam tempoh beberapa minggu akan datang.

"Justeru, katanya, kerajaan sedang melalui proses dalaman membabitkan peralihan itu sebagai sebahagian daripada pelaksanaan penyasaran semula subsidi RON95.

"Dari sudut pandangan asas dan perspektif Kementerian Ekonomi, seawal 2023, kami telah mencadangkan kepada kerajaan untuk mengubah pengkelasan B40, M40 dan T20. Justeru, keputusan rasmi perlu dibuat," katanya.

Jangkaan penjimatan baharu 80 peratus lebih tinggi berbanding unjuran awal RM4b

Kerajaan jimat RM7.5b setahun dari pelaksanaan subsidi diesel bersasar

Oleh ZAKKINA
WATI AHMAD TARMIZI
zakkinatarmizi@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan menjakkan penjimatan perbelanjaan sekitar RM7.2 billion hingga RM7.5 billion setahun daripada pelaksanaan subsidi diesel bersasar tahun lalu, iaitu sekurang-kurangnya 80 peratus lebih tinggi daripada unjuran awal.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, jangkaan itu berdasarkan penjimatan bulanan semasa yang dicatatkan iaitu kira-kira RM600 juta sejak pelaksanaannya pada 10 Jun 2024.

"Semasa kami melaksanakan (subsidi diesel), kami menjang-



AMIR HAMZAH AZIZAN

kakan akan memperoleh RM4 billion setahun penjimatan, namun, kini, berjaya mencatatkan RM600 juta sebulan.

"Penjimatan yang dicatatkan lebih tinggi memandangkan pelaksanaan subsidi diesel bersasar untuk mengekang ketirisan yang

lebih berkesan daripada jangkaan," katanya pada Forum Ekonomi Malaysia (FEM) 2025 di sini semalam.

Sebelum ini, kerajaan dilaporkan bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel di Semenanjung Malaysia dan bakal memberi penjimatan RM4 billion setahun yang akan digunakan untuk faedah rakyat.

Sabah dan Sarawak dikecualikan berikutnya hampir setiap keluarga di kedua-dua negeri menggunakan kenderaan diesel.

Pelaksanaan melalui Sistem Kawalan Diesel Subsidi (SKDS) melibatkan 10 jenis pengangkutan awam dan 23 kenderaan pengangkutan barang akan membendung kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Mengulas mengenai mekanisme pelaksanaan subsidi bersasar RON95 yang dijangka pada pertengahan 2025 pula, pihaknya akan memastikan pelaksanaan secara falsafah sama seperti subsidi diesel bersasar.

"Kami perlu mengambil masa dan tidak menggunakan jalan yang singkat agar tindakan yang akan dilaksanakan berjalan lancar.

"Kami akan memastikan golongan yang memerlukan akan dibantu manakala, golongan yang mempunyai keupayaan akan menikmati harga bahan api mengikut harga pasaran," katanya.

Oleh itu, jelasnya, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan akan memperhalusi mekanisme yang sesuai bagi

subsidi RON95.

"Kami akan memastikan apa yang akan dilaksanakan berjalan lancar sama seperti diesel," katanya.

Belanjawan 2025 yang dibentangkan pada Oktober tahun lalu menyaksikan cadangan kerajaan untuk melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan 2025, dengan anggaran sekitar RM12 billion untuk 85 peratus rakyat Malaysia.

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan perkara itu berkata, warga asing dan 15 peratus teratas pengguna maha kaya menikmati 40 peratus subsidi petrol RON95 bernilai RM8 billion.



Harga sayur, ikan mula stabil

Finanisasi dan pembangunan
KOTA BHARU: Harga beberapa jenis sayur dan ikan kembali stabil setelah musim tengkujuh semakin reda sejak minggu ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Siti Khadijah di sini semalam mendapati, harga sayur sawi, kubis, tomato dan lada hijau turun antara RM1 hingga RM4 sekilogram (kg).

Seorang peniaga sayur, Kamarul Zafri Yusof berkata, sayur sawi dijual RM4 per/kg berbanding sebelum ini RM6; kubis RM3 hingga RM4 per/kg berbanding sebelum ini RM5; tomato RM6.50 per/kg berbanding RM8 dan lada hijau RM12 per/kg berbanding RM16 hingga RM18 per/kg.

“Harga sayur mula turun sejak minggu ini kerana bekalan sudah ada termasuk yang diambil dengan pembekal dari Cameron Highland dan Thailand,” katanya.

“Bila harga kembali stabil ia tidak membebankan peniaga atau pengguna untuk membelinya,” katanya.

Peniaga ikan, Zulkifli Ismail, 62, pula berkata, ikan juga dijual dengan harga mengikut pasaran apabila ada dalam kalangan nelayan sudah turun ke laut.

“Setakat ini, harga ikan mula stabil dan tidak terlalu mahal berbanding bulan lepas. Sebelum ini harga meningkat antara RM2 hingga RM4 per/kg kerana bekalan kurang dan nelayan tidak turun ke laut.”


“Cuma kuasa membeli agak kurang terutama pada hari biasa, berbanding hari minggu,” katanya.

Bot tanpa pengemudi seludup petrol

Pitas: Misteri sebuah bot pam yang ditinggalkan tanpa pengemudi terjawab apabila Pasukan Polis Marin (PPM) menemui beberapa tong biru berisi minyak petrol dipercuryai untuk diseludup ke negara jiran.

Rampasan dilakukan kira-kira jam 4 petang oleh Markas Operasi PPM Kudat di Kampung Pangasaon, di sini, kelmarin.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, pasukan serbuan yang menjalankan tugas ronda menemui sebuah bot pam



BOT pam tanpa pengemudi membawa petrol yang disyaki cuba diseludup ke negara jiran.

dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, pemeriksaan lanjut di bot pam itu menemui beberapa tong biru berisi minyak petrol.

"Minyak petrol itu dipercuryai untuk diseludup masuk ke negara jiran. Anggaran rampasan keseluruhan berjumlah RM45,200," katanya.

Menurutnya, pasukan serbuan menunda bot ke Markas Operasi PPM Kudat untuk tindakan lanjut.

"Orang ramai dinasihatkan supaya tidak terbabit dengan aktiviti penyeludupan," katanya.

PM lancar inisiatif Kiosk Sentuhan Madani

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan Kiosk Sentuhan Madani pertama di pusat beli-belah Alamanda di sini, yang merupakan inisiatif terbaru bagi memudahkan akses rakyat kepada perkhidmatan kerajaan.

Kios itu yang menghimpunkan lebih 90 perkhidmatan kerajaan, disediakan melalui enam kios agensi kerajaan dan pihak swasta.

Kios tersebut melibatkan perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan, Pos Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Tenaga Nasional Bhd, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan MyDigital ID.

Hadir sama, Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali.

Kiosk Sentuhan Madani ialah satu inisiatif di bawah Belanjawan 2025 yang dilahamkan Anwar untuk menambah baik perkhidmatan awam dan menyantuni keperluan masa kini rakyat.

Mengulas mengenai kios tersebut, Fahmi berkata, kerajaan berharap lebih banyak syarikat korporat tampil membantu menjayakan inisiatif tersebut, dengan menyediakan tapak pemasangan di premis masing-masing.

Beliau turut memaklumkan Kiosk Sentuhan Madani yang kedua akan dipasang di Stesen KL Sentral, Kuala Lumpur dan dijangka mula beroperasi pada penghujung Februari ini. - Bernama



Anwar Ibrahim melawat ke Kiosk Sentuhan Madani di pusat beli-belah Alamanda selepas majlis peluncuran kiosk tersebut pada Khamis.

Belacan Kuala Kedah antara berpotensi didaftar harta intelek

ALOR SETAR - Kedah memiliki pelbagai produk lokal berpotensi yang boleh didaftarkan sebagai harta intelek di bawah kategori petunjuk geografi (GI).

Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Mohd Zuhani Mohd Zain berkata, produk yang didaftarkan di bawah GI memberi nilai tambah selain potensi harga yang lebih tinggi malah dapat meningkatkan tahap ekonomi pengusaha.

Menurutnya, setakat ini hanya dua produk Kedah didaftarkan di bawah GI, iaitu kunyit putih dan anggur Tasik Beris.

"Saya dapat Kedah berpotensi besar kerana miliki banyak keunikan lokal yang boleh diangkat sebagai petunjuk selain menjadi daya tarikan pelancongan kepada

kerajaan negeri Kedah," ujarnya pada sidang akhbar selepas merasmikan pejabat satelit MyIPO di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Alor Setar pada Khamis.

Menurutnya, antara produk berpotensi namun belum didaftarkan termasuk belacan Kuala Kedah, gamat dan garam bukit dari Langkawi serta beras Kedah.

"Mungkin ramai belum kenali beras Kedah, beras wangi ini jika mendapat kelulusan daripada MyIPO akan menambah nilai produk tersebut seterusnya diangkat ke tahap lebih baik, termasuk hingga ke persada antara-



MOHD ZUHAN

bangsa.

"Saya yakin jika beras Kedah didaftarkan GI, ia akan menjadi sumber kekayaan baru kerajaan negeri termasuk pengusaha," kata-

nya. Mohd Zuhani berkata, keunikan yang ada di satu-satu tempat boleh didaftar di bawah GI, namun bukan secara individu.

Katanya, ia perlu didaftarkan di bawah agensi, komuniti, persatuan atau di bawah kerajaan negeri, seperti kunyit putih yang didaftarkan di bawah Jabatan Pertanian.

Ron95 unchanged, Ron97 and diesel up five sen

KUALA LUMPUR: The retail price of RON95 will remain unchanged at RM2.05 per litre, while the price of RON97 will increase by five sen from RM3.28 to RM3.33 per litre from Jan 9 to 15.

The Finance Ministry, in a statement, said the retail price of diesel in Sabah, Sarawak and Labuan would remain at RM2.15 per litre, while in Peninsular Malaysia it would increase by five sen from RM2.98 to RM3.03 per litre during the same period.

"In line with the increase in global oil prices, the government has set the retail price of RON97 at RM3.33 per litre and diesel in Peninsular Malaysia at RM3.03 per litre.

"The retail price of diesel in Peninsular Malaysia still remains low compared to the floated price of RM3.35 per litre set on June 10, 2024," the statement said.

The prices were fixed based on the weekly retail prices of petroleum products using the Automatic Pricing Mechanism formula. – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 10 JANUARI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
10-Jan	KPDN rampas 112kg minyak masak peket bersubsidi	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-rampas-112kg-minyak-masak-peket-bersubsidi/	BULETIN TV3
10-Jan	112 kilogram minyak masak peket bersubsidi disita	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1346704/112-kilogram-minyak-masak-peket-bersubsidi-disita	BERITA HARIAN
10-Jan	112 kg minyak masak peket bersubsidi disita	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174403/112-kg-minyak-masak-peket-disita	HARIAN METRO
10-Jan	Restoran diserbu, simpan minyak masak peket subsidi lebih had	https://www.sinarharian.com.my/article/706156/berita/semasa/restoran-diserbu-simpan-minyak-masak-peket-	SINAR HARIAN
10-Jan	KPDN Perak sita 140 kg minyak masak bersubsidi disorok dalam stor	https://www.tvsarawak.my/2025/01/09/kpdn-perak-sita-140-kg-minyak-masak-bersubsidi-disorok-dalam-stor/	TV SARAWAK
10-Jan	Premis sorok minyak masak subsidi, jual kepada orang tertentu diserbu	https://mgperak.com/premis-sorok-minyak-masak-subsidi-jual-kepada-orang-tertentu-diserbu/	MALAYSIA GAZETTE PERAK
10-Jan	Restoran ‘kantoi’ salin minyak peket dalam botol	https://www.kosmo.com.my/2025/01/09/restoran-kantoi-salin-minyak-peket-dalam-botol/	KOSMO
10-Jan	Netizens praise KPDN officers for exposing cooking oil scam	https://www.nst.com.my/news/nst-viral/2025/01/1158482/nstviral-netizens-praise-kpdn-officers-exposing-cooking-oil-scam	NEW STRAITS TIMES
10-Jan	KPDN rampas minyak masak peket disorok dalam stor, jual kepada individu tertentu	https://selangorkini.my/2025/01/kpdn-rampas-minyak-masak-peket-disorok-dalam-stor-jual-kepada-individu-tertentu/	SELANGOR KINI

10-Jan	Jual minyak peket bersubsidi pada individu tertentu, premis perniagaan diserbu	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1346935/jual-minyak-peket-bersubsidi-pada-individu-tertentu-premis-perniagaan	BERITA HARIAN
10-Jan	Premis sorok minyak masak subsidi, jual kepada orang tertentu kena serbu	https://malaysiagazette.com/2025/01/09/premis-sorok-minyak-masak-subsidi-jual-kepada-orang-tertentu-	MALAYSIA GAZETTE
10-Jan	Premis ‘pilih pelanggan’ jual minyak masak diserbu	https://www.kosmo.com.my/2025/01/09/premis-pilih-pelanggan-jual-minyak-masak-diserbu/	KOSMO
10-Jan	Peniaga jual minyak masak peket kepada orang tertentu sorok barang kawalan	https://astroawani.com/berita-malaysia/peniaga-jual-minyak-masak-peket-kepada-orang-tertentu-sorok-barang-kawalan-503799	ASTRO AWANI
10-Jan	Padah seleweng 36,654 liter minyak diesel	https://www.sinarharian.com.my/article/706206/berita/semasa/padah-seleweng-36654-liter-	SINAR HARIAN
10-Jan	Syarikat logistik didenda RM190,000 miliki diesel tanpa lesen	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1346919/syarikat-logistik-didenda-rm190000-miliki-diesel-tanpa-lesen	BERITA HARIAN
10-Jan	Syarikat logistik didenda RM190,000, miliki diesel tanpa lesen	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/syarikat-logistik-didenda-rm190000-miliki-diesel-tanpa-lesen/	UTUSAN MALAYSIA
10-Jan	Syarikat logistik didenda RM190,000 miliki diesel tanpa lesen	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174529/syarikat-logistik-didenda-rm190000-miliki-diesel-tanpa-lesen	HARIAN METRO
10-Jan	Kedah Disaran Daftar Produk Unik Di Bawah Petunjuk Geografi MyIPO	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2380705	BERNAMA
10-Jan	1,049 botol sabun pakaian tiruan dirampas KPDN	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/1049-botol-sabun-pakaian-tiruan-dirampas-kpdn-2/	UTUSAN MALAYSIA

10-Jan	Kawan suruh saya letak pelekat 'Muslim Kitchen' – Pemilik restoran	https://www.buletintv3.my/nasional/kawan-suruh-saya-letak-pelekat-muslim-kitchen-pemilik-restoran/	BULETIN TV3
10-Jan	Restaurant raided for misleading 'Muslim Kitchen' sign	https://thesun.my/malaysia-news/restaurant-raided-for-misleading-muslim-kitchen-sign-GH13501403	THE SUN
10-Jan	Tiada sijil halal pemilik restoran dakwa pelanggan suruh tampil label 'Muslim Kitchen'	https://astroawani.com/berita-malaysia/tiada-sijil-halal-pemilik-restoran-dakwa-pelanggan-suruh-tampil-label-muslim-kitchen-503898	ASTRO AWANI
10-Jan	Tiada sijil halal tapi restoran tampil label Muslim Kitchen	https://malaysiagazette.com/2025/01/09/tiada-sijil-halal-tapi-restoran-tampil-label-muslim-kitchen/	MALAYSIA GAZETTE
10-Jan	Restoran guna pelekat 'dapur Muslim' tanpa sijil halal diserbu JAIS	https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/restoran-guna-pelekat-dapur-muslim-tanpa-sijil-halal-diserbu-jais/	UTUSAN MALAYSIA
10-Jan	KPDN serbu restoran pamer pelekat 'Muslim Kitchen' di Balakong	https://www.sinarharian.com.my/article/706288/berita/semasa/kpdn-serbu-restoran-pamer-pelekat-muslim-kitchen-di-balakong	SINAR HARIAN
10-Jan	KPDN Serbu Restoran Pamer Pelekat 'Muslim Kitchen' Di Balakong	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2380836	BERNAMA
10-Jan	Tiada sijil halal sah, restoran pamer pelekat 'Dapur Muslim' diserbu	https://selangorkini.my/2025/01/tiada-sijil-halal-sah-restoran-pamer-pelekat-dapur-muslim-diserbu/	SELANGOR KINI
10-Jan	Restoran pamer pelekat 'Muslim Kitchen' di Balakong diserbu KPDN	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1347133/restoran-pamer-pelekat-muslim-kitchen-di-balakong-diserbu-kpdn	BERITA HARIAN
10-Jan	'Pelanggan yang suruh tampil pelekat dapur muslim'	https://www.kosmo.com.my/2025/01/09/pelanggan-yang-suruh-tampil-pelekat-dapur-	KOSMO

10-Jan	Muslim Kitchen Tapi Tiada Sijil Halal! KPDN, JAIS Siasat Premis Di Kajang	https://malaysiagazette.com/2025/01/09/muslim-kitchen-tapi-tiada-sijil-halal-kpdn-jais-siasat-premis-di-kajang	MALAYSIA GAZETTE
10-Jan	'Cili pan mee' restaurant raided for 'Muslim Kitchen' sign	https://www.malaysiakini.com/news/731210	MALAYSIA KINI
10-Jan	KPDN serbu restoran pamer pelekat Muslim Kitchen tanpa sijil halal	https://www.malaysiakini.com/news/731209	MALAYSIA KINI
10-Jan	KPDN Pulau Pinang rampas pelbagai barang bernilai RM3.31 juta sepanjang 2024	https://astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pulau-pinang-rampas-pelbagai-barangan-bernilai-rm3-31-juta-sepanjang-2024-503894	ASTRO AWANI
10-Jan	KPDN PULAU PINANG RAMPAS PELBAGAI BARANGAN BERNILAI RM3.31 JUTA SEPANJANG 2024	https://bernama.com/radio/news.php?id=2380868	BERNAMA
10-Jan	Anti-profiteering measures seize goods worth RM3.31mil in Penang in 2024	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/09/anti-profiteering-measures-seize-goods-worth-rm331mil-in-penang-in-2024	THE STAR
10-Jan	Guna cap dagang tidak sah, jual barang tiruan di TikTok	https://www.malay.news/guna-cap-dagang-tidak-sah-jual-barang-tiruan-di-tiktok/	MALAY NEWS
10-Jan	Guna cap dagang tidak sah, jual barang tiruan di TikTok	https://themalaytribune.com/guna-cap-dagang-tidak-sah-jual-barang-tiruan-di-tiktok/	THE MALAY TRIBUNE
10-Jan	Guna cap dagang tidak sah, jual barang tiruan di TikTok	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174730/guna-cap-dagang-tidak-sah-jual-barang-tiruan-di-tiktok	HARIAN METRO
10-Jan	Persatuan bas sekolah naik harga berdepan tindakan	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/01/persatuan-bas-sekolah-naik-harga-	UTUSAN MALAYSIA

10-Jan	Senior citizen arrested over unauthorised diesel purchase	https://thesun.my/malaysia-news/senior-citizen-arrested-over-unauthorised-diesel-purchase-MH13501629	THE SUN
10-Jan	Warga Emas Ditahan Beli Minyak Diesel Tanpa Permit	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2380830	BERNAMA
10-Jan	KPDN Perak ambil tindakan warga emas cuba seludup tujuh tong diesel	https://mgperak.com/kpdn-perak-ambil-tindakan-warga-emas-cuba-seludup-tujuh-tong-diesel	MALAYSIA GAZETTE PERAK
10-Jan	Warga emas leka beli 129 liter minyak diesel tanpa permit	https://www.kosmo.com.my/2025/01/09/warga-emas-leka-beli-129-liter-minyak-diesel-tanpa-permit/	KOSMO
10-Jan	572 unit barang elektrik tiruan dirampas	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/572-unit-barangan-elektrik-tiruan-dirampas	BERITA RTM
10-Jan	572 barang elektronik tiruan sasar jualan TikTok dirampas	https://www.buletintv3.my/nasional/572-barangan-elektronik-tiruan-sasar-jualan-tiktok-dirampas/	BULETIN TV3
10-Jan	Gudang simpan, jual barang elektrik tiruan diserbu	https://www.sinarharian.com.my/article/706263/berita/semasa/gudang-simpan-jual-barang-elektrik-tiruan-diserbu#google_vignette	SINAR HARIAN
10-Jan	KPDN rampas 572 barang elektrik tiruan di Pulau Pinang	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/kpdn-rampas-572-barang-elektrik-tiruan-di-pulau-pinang/	UTUSAN MALAYSIA
10-Jan	Pengering pelurus rambut tiruan dirampas dalam gudang	https://www.kosmo.com.my/2025/01/09/pengering-pelurus-rambut-tiruan-dirampas-dalam-gudang	KOSMO
10-Jan	Kiosk Sentuhan Madani permudah akses perkhidmatan kerajaan	https://astroawani.com/berita-bisnes/kiosk-sentuhan-madani-permudah-akses-perkhidmatan-kerajaan-503884	ASTRO AWANI

10-Jan	PM lancar inisiatif Kiosk Sentuhan MADANI	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pm-lancar-inisiatif-kiosk-sentuhan-madani	BERITA RTM
10-Jan	PM Anwar Lancar Inisiatif KoisK Sentuhan Madani	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2380788	BERNAMA
10-Jan	Kiosk Sentuhan Madani dilancar, mudahkan akses perkhidmatan kerajaan	https://selangorkini.my/2025/01/kiosk-sentuhan-madani-dilancar-mudahkan-akses-perkhidmatan-kerajaan/	SELANGOR KINI
10-Jan	PM Anwar lancar inisiatif kiosk sentuhan MADANI	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/09/pm-anwar-lancar-inisiatif-kiosk-	UTUSAN BORNEO
10-Jan	Kiosk Sentuhan Madani pertama dilancar, mudah akses rakyat perkhidmatan kerajaan	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/kiosk-sentuhan-madani-pertama-dilancar-mudah-akses-rakyat-perkhidmatan-	UTUSAN BORNEO
10-Jan	PM lancar kiosk Sentuhan MADANI pertama	https://www.buletintv3.my/nasional/pm-lancar-kiosk-sentuhan-madani-pertama/	BULETIN TV3
10-Jan	Syarikat korporat diminta jayakan Kiosk Sentuhan Madani	https://malaysiagazette.com/2025/01/09/syarikat-korporat-diminta-jayakan-kiosk-sentuhan-	MALAYSIA GAZETTE
10-Jan	Kiosk Sentuhan MADANI mula operasi, mudahkan urusan rakyat	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174648/kiosk-sentuhan-madani-mula-operasi-mudahkan-	HARIAN METRO
10-Jan	PM lancar inisiatif Kiosk Sentuhan Madani	https://www.sinarharian.com.my/article/706261/berita/nasional/pm-lancar-inisiatif-	SINAR HARIAN

10-Jan	Kedah miliki pelbagai keunikan, berpotensi didaftar harta intelek	https://www.sinarharian.com.my/article/706243/edisi/utara/kedah-miliki-pelbagai-keunikan-berpotensi-didaftar-harta-intelek	SINAR HARIAN
10-Jan	Susu kerbau, gamat dan pulut hitam Kedah wajar daftar harta intelek	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174589/susu-kerbau-gamat-dan-pulut-hitam-kedah-wajar-daftar-harta-intelek	HARIAN METRO
10-Jan	Kedah Disaran Daftar Produk Unik Di Bawah Petunjuk Geografi MyIPO	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2380705	BERNAMA
10-Jan	MyIPO satellite office to unlock Kedah's untapped intellectual property potential	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1158552/myipo-satellite-office-unlock-kedahs-untapped-intellectual-property	NEW STRAITS TIMES